



## **KENYATAAN/SIARAN AKHBAR**

### **AGRO BAZAAR PUTRAJAYA**

Putrajaya – Agro Bazaar kembali lagi bulan ini dengan menawarkan pelbagai produk agro, produk herba dan kesihatan pada harga yang berpatutan di Taman Warisan Pertanian selama 5 hari mulai 27 hingga 31 Januari 2010.

Bertepatan dengan objektif Taman Warisan Pertanian untuk menjadi medan utama bagi memberikan informasi dan memperkenalkan pertanian kepada para pengunjung, Agro Bazaar menyajikan kepelbagaian jualan buah-buahan tempatan dan anak benih pokok kepada pengunjung.

Selain daripada buah-buahan tempatan, promosi kali ini memberi penekanan kepada jualan produk-produk kesihatan serta produk-produk herba seperti herba mas cotek, herba tongkat ali, herba kacip fatimah dan sebagainya.

Antara produk pertanian yang turut dijual adalah anak-anak benih pokok buah-buahan, herba, baja, buah-buahan tempatan, produk rempah, produk kesihatan dan kudapan. Sementara itu, terdapat pelbagai aktiviti yang disediakan untuk pengunjung seperti Klinik Hortikultur mulai jam 10.00 pagi hingga 7.00 malam yang memuatkan khidmat nasihat berkaitan tumbuhan dan tanaman. Malam Seni Rakyat pula mengutarakan Kumpulan Muzik Putrajaya dengan persembahan lagu-lagu asli dan tradisional mulai 8.30 malam pada 29 Januari 2010.

Program Agro Bazaar merupakan program bulanan pada minggu terakhir setiap bulan yang memberi peluang kepada pengusaha-

pengusaha produk pertanian tempatan menjual serta mempromosi produk mereka, mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Taman Warisan Pertanian di talian 03-8887 7772 atau layari laman web [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: **27** Januari 2010

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013